

Headline	PERKENAL KONSEP TERBUKA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 May 2018	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	179,231
Page No	43TO45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1896 cm ²
Journalist	Aniza Zainudin	AdValue	RM 74,691
Frequency	Daily	PR Value	RM 224,073



DEKOTAMAN.

EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
 TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 8269 FAKS : 03-20567083/7084



GAZEBO TERAPUNG

> V44&V45

Headline	PERKENAL KONSEP TERBUKA		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	19 May 2018	Circulation	179,231
Section	Supplement	Readership	537,693
Page No	43TO45	ArticleSize	1896 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 74,691
Journalist	Aniza Zainudin	PR Value	RM 224,073
Frequency	Daily		

Setiap bumbung Bamboo Playhouse dipasang sistem panel solar

FOKUS

Aniza Zainudin
anizazainudin@hmetro.com.my

Mengekalkan identiti kehijauan dan mesra alam yang sinonim dengan ketenangan Taman Botani Perdana, kewujudan gazebo berskali besar dibuat daripada buluh di tengah-tengah tasik dilahat menyempurnakan aspek penataan taman rekreasi berkenaan.

Mencipta ilusi seakan-akan terapung di atas permukaan air, pondok rehat atau wakaf, Bamboo Playhouse ini dibina berdasarkan peruntukan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekali gus menjadikannya ikon kepada bandar raya itu.

Idea Bamboo Playhouse dihasilkan Dr Eleena Jamil Architect pada 2015 ini bukan saja menekankan elemen alam sekitar apabila menggunakan buluh sebagai bahan binaan, bahkan ia turut menyentuh identiti Malaysia menerusi konsep rekaannya.

Menurut arkitek, Dr Eleena Jamil, gazebo atau pondok rehat begitu sinonim dengan rakyat Malaysia sama ada di bandar mahupun di luar bandar kerana memiliki nilai estetika bagi kediaman atau taman.


"Idea Bamboo Playhouse bersifat tradisional kerana kebanyakkan rakyat Malaysia menyukai konsep gazebo bagi melengkapai landskap luaran sebagai lokasi beristirahat."

"Bamboo Playhouse berfungsi sebagai tempat rehat atau lokasi acara dan kami turut memasukkan




■ GAZEBO BULUH

PERKENAL KONSEP TERBUKA



PEMANDANGAN Bamboo Playhouse dari udara.



USAHA Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



BERSIFAT tradisional dan bercirikan Malaysia.



Bamboo Playhouse ini memiliki 31 pondok atau platform berangkai dengan ketinggian dan kedudukan yang berbeza serta rawak bagi mencipta keunikan tersendiri

DR ELEENA

baru ini.

Menjadi satu-satunya struktur buluh formal, Dr. Eleena mengakui pihaknya menerima amanah mereka binaan gazebo berangkai ini berbekalkan portfolio kejayaan membina prototaip sekolah buluh di Filipina di peringkat antarabangsa sekitar 2007.

Berdasarkan kajian, India dan Amerika Selatan antara negara yang menggunakan material buluh sebagai binaan membuktikan ia memiliki ketahanan menghadapi gegaran gempa

elemen keceriaan yang bersesuaian dengan kanak-kanak sekali gus menjadikan rangkaian pergola ini dimanfaatkan pengunjung pelbagai peringkat usia.

"Bamboo Playhouse ini memiliki 31 pondok atau platform berangkai dengan ketinggian dan kedudukan yang berbeza serta rawak bagi mencipta keunikan tersendiri.

"Selain itu, kami turut membina lima 'rumah pokok' pada lima tiang utama dikhaskan buat

kanak-kanak bermain dan mampu menampung berat tidak melebihi 100 kilogram.

"Memperkenalkan konsep terbuka, struktur buluh ini mempunyai platform berbentuk segi empat sama bersaiz 3.2 X 3.2 meter.

"Bagi mengekalkan konsep mesra alam, setiap bumbung Bamboo Playhouse dipasangkan sistem panel solar yang berfungsi membekalkan tenaga kepada pencahanayaan ketika malam," katanya ketika ditemui di Cyberjaya, baru-

Headline	PERKENAL KONSEP TERBUKA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 May 2018	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	179,231
Page No	43TO45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1896 cm ²
Journalist	Aniza Zainudin	AdValue	RM 74,691
Frequency	Daily	PR Value	RM 224,073



FOTO FADLI HAMZAH

MENGAMALKAN konsep terbuka.

bumi, selain tahan angin kerana sifat melenturnya.

Kata Dr Eleena, buluh di Malaysia tidak digunakan secara komersial bagi menghasilkan binaan mahupun bangunan kerana wujudnya kebimbangan terhadap ketahanannya berbanding bahan binaan lain.

“Tidak dinafikan, apabila mereka struktur buluh, kami perlu mempertimbangkan aspek ketahanan, kesesuaian rekaan dan pembinaannya.

“Buluh adalah sumber yang lestari dan ia mempunyai ketahanan tersendiri, namun bagi memastikan ketahanan buluh berkekalan daripada serangan serangga perosak

adalah pemilihan kaedah rawatan yang tepat.

“Berbeza dengan kategori kayu lain yang mempunyai standard tertentu, buluh tidak memiliki piawaian ditetapkan.

“Oleh itu, kita turut bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan pakar buluh lain untuk melakukan uji kaji bagi memilih kaedah rawatan terbaik.

“Selain serangga perosak, buluh juga tidak tahan dengan sinaran matahari, jadi ia perlu dilindungi dengan lapisan rawatan khas bagi memastikan ia lebih tahan lama.

“Buluh adalah kayuan berongga dan kaya dengan serat, jika struktur dibina

secara langsung di atas tanah, ia akan menyerap air sekali gus menjadikannya tidak tahan.

“Atas faktor ini, kita turut menggunakan batang besi dan konkrit sebagai asas tambahan kepada struktur tiang Bamboo Playhouse,” katanya yang turut menggabungkan buluh semantan, betong dan akar sebagai bahan pembinaan.

Mengambil masa antara tiga hingga enam bulan mereka bentuk Bamboo Playhouse dan menyiapkan binaan hampir sembilan bulan, beliau mengakui idea asal penyambungan buluh adalah menggunakan skru, namun ia turut membabitkan kos perbelanjaan tinggi.

Headline	PERKENAL KONSEP TERBUKA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 May 2018	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	179,231
Page No	43TO45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1896 cm ²
Journalist	Aniza Zainudin	AdValue	RM 74,691
Frequency	Daily	PR Value	RM 224,073



MELESTARIKAN binaan buluh.